

# Hasil tenaga kerja ikut permintaan pasaran

**KUALA LUMPUR 4 Ogos** - Pihak industri perlu menjalinkan kerjasama dengan institusi Pendidikan Teknikal dan latihan Vokasional (TVET) bagi menghasilkan tenaga kerja yang boleh memenuhi permintaan pasaran.

Timbalan Naib Canselor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Prod. Dr. Wahid Razzaly berkata, hanya dengan kerjasama itu dapat menyediakan pelajar-pelajar TVET dengan situasi sebenar pekerjaan seterusnya menghasilkan pekerja yang berkemahiran dan berkualiti tinggi.

“Jadi pihak industri tidak boleh menuding jari kepada institusi TVET sekiranya produk tenaga kerja yang dihasilkan tidak memenuhi cita rasa mereka.

“Jika mahu pekerja seperti yang diinginkan, maka mereka perlu bantu kerajaan dengan bersama-sama menjayakan program TVET. Jangan kita hanya nak cari untung sahaja tetapi tidak mahu kongsi kos menyokong program berkenaan,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas membentangkan isu subtema Persidangan Asia Pasifik Mengenai Pendidikan dan Latihan (ACET) 2015 yang bertajuk *TVET Networks - How International and Regional Networks Can Contribute to the Development of National TVET Systems* di sini, hari ini.

Menurut Wahid, senario ketika ini seperti terdapat tembok kaca antara kedua-dua entiti berkenaan, masing-masing dapat melihat manfaat yang boleh diperolehi namun tidak bergerak ke arah itu.

Memberi contoh amalan yang dilakukan Politeknik Manufaktur Bandung di Indonesia, beliau berkata, pelajar-pelajarnya membuat alat ganti untuk syarikat Toyota.

“Bayangkan, mereka buat latihan amali menghasilkan alat-alat ganti untuk dijual, sebab itu mereka menjadi lebih berhati-hati dan berdisiplin seperti menjalani alam pekerjaan yang sebenar.

“Tetapi graduan kita tidak dapat merasai kepentingan



**Jika mahu pekerja seperti yang diinginkan, maka mereka perlu bantu kerajaan dengan bersama-sama menjayakan program TVET. Jangan kita hanya nak cari untung sahaja tetapi tidak mahu kongsi kos menyokong program berkenaan.”**

**WAHID RAZZALY**

**Timbalan Naib Canselor  
Universiti Tun Hussein Onn  
Malaysia (UTHM)**

kualiti itu, kos serta cara penyampaian,” ujarnya.

Beliau bagaimanapun berkata, tembok kaca yang menghalang menjadi penghalang antara pihak industri dan institusi TVET semakin menipis dengan inisiatif yang dilakukan kerajaan menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

“Kerajaan telah banyak melabur untuk TVET. Kita harap Deklarasi Kuala Lumpur akan membawa TVET Malaysia ke arena ASEAN seterusnya menjadi contoh kepada negara-negara tersebut,” katanya.